

**Jangan terpengaruh dakyah pembangkang
Utusan Online
Januari 15, 2012**

PADANG BESAR 14 Jan. – Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan rakyat Perlis supaya jangan sesekali terpengaruh dengan dakyah pembangkang sehingga mengetepikan usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) membangunkan negara sejak 54 tahun lalu.

Jelas Timbalan Perdana Menteri, pembangkang cuma inginkan kuasa sedangkan BN telah berjaya membawa negara ke mercu kejayaan.

“Demi masa depan negara, maka rakyat diminta bukan sahaja terus menyokong BN malah juga dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan,” katanya ketika berucap pada Program Jalinan Mesra Rakyat Parlimen Padang Besar di Dewan Seri Melati, Beseri hari ini.

Beliau turut merasmikan Dewan Seri Melati dan menanam pokok mempelam harum manis di pekarangan dewan berkenaan.

Jelas Muhyiddin, pengalaman BN dalam memerintah negara ini tidak perlu dipertikaikan lagi, sebaliknya pembangkang cuba memesongkan pemikiran rakyat dengan memutarbelitkan fakta kononnya kerajaan BN zalim.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0115&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm